



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603 88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.(S). 600-18/35/1 Jld.5 (30)
Tarikh : 10 September 2025

ENCIK MOHD KHAIRIZAL KHAHIDIR
Pejabat Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
SELANGOR

Tuan,

TAWARAN BAGI MENGIKUTI KURSUS DI BAWAH PROGRAM PENGURUSAN STRATEGIK DAN PEMBANGUNAN EKSEKUTIF KOMPETEN (PROSPEK) TAHUN 2025

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan telah dipilih oleh Jabatan ini untuk ditawarkan mengikuti kursus di bawah Program Pengurusan Strategik dan Pembangunan Eksekutif Kompeten (PROSPEK) Tahun 2025 seperti butiran berikut:

Kursus : *Unlocking Digital Advantage in e-Government: Estonia & Finland Success Story*
Tarikh : 28 September hingga 4 Oktober 2025
(Bertolak pergi: 27 September 2025)
(Bertolak pulang: 4 Oktober 2025)
Lokasi : Tallin, Estonia dan Helsinki, Finland
Penyedia Latihan : Universiti Sains Malaysia
Maklumat Lanjut : LAMPIRAN 1

Kehadiran tuan ke kursus ini adalah **diwajibkan**. Maklumat berhubung elaun, kemudahan dan tuntutan yang layak bagi penyertaan ke kursus ini adalah seperti di **LAMPIRAN 2**.

3. Sebagai persediaan untuk menghadiri kursus ini, kerjasama tuan adalah dimohon untuk mengambil tindakan berikut:

<u>Bil.</u>	<u>Perkara</u>	<u>Tarikh Akhir</u>
i.	Melengkapkan Borang Maklumbalas Penerimaan Kursus melalui pautan yang diberikan (sila rujuk e-mel tawaran).	12 September 2025
ii.	Mengemukakan salinan buku akaun/ penyata bank (<i>online</i>) yang tertera nama penuh dan nombor akaun (akaun pembayaran gaji).	12 September 2025
iii.	Mengemukakan salinan pasport yang masih mempunyai tempoh sah laku sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh tamat kursus/ program.	12 September 2025
iv.	Mengemukakan salinan kelulusan menghadiri persidangan, seminar dan lawatan rasmi ke luar negara (Estonia dan Finland) yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan dan Pegawai Pengawal mengikut prosedur Jabatan/ Kementerian masing-masing. (sila rujuk penyelaras di Jabatan/ Kementerian)	19 September 2025

* Dokumen di perkara (ii) – (iv) hendaklah di-e-melkan kepada sc.bmi@jpa.gov.my.

4. Di samping itu, tuan juga dikehendaki untuk menyediakan dua (2) salinan laporan menghadiri kursus mengikut format di **LAMPIRAN A** dan mengemukakan satu (1) salinan kepada pihak JPA (melalui e-mel kepada ukjp.bmi@jpa.gov.my) dan satu (1) salinan kepada Jabatan/ Kementerian tuan dalam tempoh satu (1) bulan selepas tamat berkursus.

5. Tuan juga dikehendaki untuk mematuhi peraturan serta syarat yang ditetapkan oleh Jabatan ini, pihak penganjur kursus dan Kerajaan negara tempat berkursus sepanjang mengikuti kursus ini. Jabatan ini juga berhak meminda syarat-syarat tawaran dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis dan tuan adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut.

6. Sekiranya tuan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, tuan boleh menghubungi Encik Mohd Noor Fazli bin Mamat di talian 03-8885 3432/ e-mel fazli.mamat@jpa.gov.my atau Puan Wan Nur Illya Natasha binti Wan Hassan di talian 03-8885 3417/ e-mel natasha.hassan@jpa.gov.my.

7. Kerjasama tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HARTINI BINTI RABU)

Bahagian Pembangunan Modal Insan

b.p.: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

Salinan Kepada:

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Aras 28, Menara MITI
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR

Nota :

- (i) Ketua Jabatan adalah dimohon untuk memberi pelepasan kepada pegawai bagi mengikuti program ini dengan jayanya dan tidak diganggu dengan beban tugas pejabat; dan
- (ii) Ketua Jabatan juga dimohon untuk merekod kelulusan Cuti Menghadiri Kursus ke dalam Buku Perkhidmatan pegawai.